



Mohamed Mokhsein (tiga dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras, semalam.

(Foto ASyraf hamzah/BH)

Sindiket edar dadah babit nilai RM788,700 tumpas

Wanita Thailand antara tiga ditahan dalam dua serbuan di Lembah Klang

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Cheras: Polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah bernilai RM788,700 selepas me-

nahan tiga individu menerusi dua serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Mohamed Mokhsein Mohamed Zon, berkata menerusi serbuan pertama, pihaknya menahan lelaki berusia 31 tahun di kondominium sekitar Taman Shamelin Perkasa, di sini, pada jam 10.50 pagi.

Katanya, ia kemudiannya membawa kepada penahanan dipercayai pasangan kekasih iaitu lelaki berusia 27 tahun dan wanita warga Thailand, 29 tahun di kondominium di Kajang, pada

jam 1.50 tengah hari.

"Hasil dua serbuan itu, kita rampas serbuk ekstasi seberat 6.7 kilogram (kg), 1,802 pil ekstasi (0.6 kg), cecair ekstasi (270 kg) dan 80 batang rokok mengandungi ganja.

"Turut disita sebuah kereta jenis PROTON Persona bernilai RM26,300, wang tunai berjumlah RM4,181 dan sejumlah mata wang asing," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamed Mokhsein berkata, suspek berkenaan dipercayai menggunakan

aplikasi WeChat bagi menjual bahan terlarang terbabit.

"Mereka menyediakan khidmat penghantaran ke di ibu negara, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

"Dadah dirampas yang dibungkus dalam paket dan botol pelbagai jenama boleh dibekalkan kepada 196,800 pengguna," katanya.

Suspek pertama direman selama tujuh hari manakala dua lagi selama enam hari masing-masing bermula semalam mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.